

D783

U B574 AAB
KAJIAN - MAHATHIR R R R
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 3.30 PETANG, 28 JUN)

KUALA LUMPUR, 27 JUN (BERNAMA) -- EKONOMI MALAYSIA TELAH PULIH SEPENUHNYA DAN AKAN DAPAT MENGHADAPI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG DENGAN LEBIH GIAT DAN STABIL; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PEMULIHAN ITU ADALAH HASIL KEAZAMAN DAN PENGORBANAN BESAR SELURUH RAKYAT; KATA BELIAU DALAM PENDAHULUAN LAPORAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML) YANG DIKEMUKAKAN DI DEWAN RAKYAT HARI INI.

RAKYAT BAGAIMANAPUN TIDAK BOLEH BERPUAS HATI DALAM MENGHADAPI MASA DEPAN; KATA BELIAU.

SEBALIKNYA MEREKA PERLU MENGAMBIL IKTIBAR DARIPADA PENGALAMAN YANG LEPAS DAN PEKA KEPADA PERGOLAKAN EKONOMI YANG CEPAT BERUBAH.

+PERLULAH KITA MAJU KE HADAPAN DENGAN LEBIH GIGIH LAGI SERTA RESPONSIF DALAM USAHA KITA UNTUK TERUS MENGUKUHKAN LAGI ASAS DAN KETAHANAN EKONOMI BAGI MEMBOLEHKANNYA MENGHADAPI DAN MENGATASI KESAN PERGOLAKAN EKONOMI DUNIA PADA MASA AKAN DATANG,+ KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1016MST 27 06 89

D784

U B575 AAB
KAJIAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA KETIKA RML DILANCARKAN PADA 1986, KEADAAN EKONOMI DUNIA DIJANGKA MENJADI BERTAMBAH SUKAR DAN KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA KIAN TERBATAS.

BATASAN-BATASAN INI MEMERLUKAN RML MENGAMALKAN STRATEGI PERTUMBUHAN SEDERHANA SERTA MENGUTAMAKAN KESTABILAN.

SELEPAS PELANCARAN RML, KEADAAN EKONOMI MENJADI LEBIH BURUK DARIPADA YANG DIJANGKAKAN; MEMAKSA KERAJAAN MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH PENGUBAHSUAIAN YANG LEBIH MENYELURUH DAN BERKESAN.

LANGKAH-LANGKAH INI SEMEMANGNYA MEMERLUKAN KEAZAMAN DAN PENGORBANAN YANG BESAR DARIPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA; KATA BELIAU.

+KEJAYAAN YANG DICAPAI HASIL DARIPADA PENGORBANAN DAN USAHA TERSEBUT MERUPAKAN SATU KEBANGGAAN BESAR UNTUK NEGARA. (KINI) EKONOMI NEGARA TELAH KEMBALI MENINGKAT,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA PERTUMBUHAN EKONOMI YANG KEMBALI PULIH SEJAK 1987 TELAH DIPERKUKUHKAN LAGI DENGAN LEBIHAN TERBESAR DALAM IMBANGAN PEMBAYARAN NEGARA DAN KEDUDUKAN FISKAL KERAJAAN YANG LEBIH BAIK.

INI MENGGAMBARAKAN BETAPA BERKESANNYA LANGKAH-LANGKAH PENYESUAIAN YANG TELAH DILAKSANAKAN. -- LAGI.

1018MST 27 06 89

U B576 AAB
KAJIAN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI BERKATA PENGUKUHAN EKONOMI SETERUSNYA PADA 1988 JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA EKONOMI NEGARA TELAH PULIH SEPENUHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MEMASTIKAN SUASANA EKONOMI DAN POLITIK YANG SESUAI DAN MENYEDIAKAN PELUANG KEPADA SEMUA RAKYAT UNTUK MENYERTAI DAN MENIKMATI SEPENUHNYA FAEDAH DARIPADA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KEMAJUAN SOSIAL.

BELIAU BERKATA SEKTOR SWASTA KHUSUSNYA PERLU MAJU DENGAN LEBIH PESAT DAN MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH DINAMIK UNTUK MEMPERCEPATKAN PERKEMBANGAN EKONOMI.

KERAJAAN MENERUSI DASAR PENSWASTAAN AKAN TERUS MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGURANGKAN SAIZ SEKTOR AWAM DAN PENYERTAANNYA DALAM KEGIATAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MENJELANG AKHIR TEMPOH RML, RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG 20 TAHUN 1971-90 (RRJP) AKAN TAMAT.

+OLEH ITU, KITA PERLU LAH MENGGEMBLENG DAN MELIPAT-GANDAKAN USAHA PADA TAHUN-TAHUN AKHIR TEMPOH RML KE ARAH MENCAPI TUJUAN DAN MATLAMAT SOSIO-EKONOMI NEGARA,+ KATA BELIAU.

+KEJAYAAN KITA INI AKAN MENYEDIAKAN ASAS YANG RUKUH UNTUK KITA TERUS MEMAJUKAN NEGARA DALAM DEKAD PEMBANGUNAN 90-AN DENGAN KEAZAMAN MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG LEBIH BAIK UNTUK GENERASI KINI DAN GENERASI AKAN DATANG.+ -- BERNAMA.

1022MST 27 06 89